

## Kes Iki Putra

# Pertembungan bidang kuasa federal, negeri perlu diurus secara perlembagaan

**K**EPUTUSAN Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra bin Mubarak menjadi sensasi kerana wujud dakwaan implikasinya nanti Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah di bawah Enakmen Negeri akan satu persatu dibatalkan kerana bercanggah dengan Senarai Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan.

Perlu dinyatakan di sini bahawa, di bawah Butiran I Senarai II, Jadual Ke-9, Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Syariah dari sudut niat dan tujuannya ialah Mahkamah Orang Islam.

Mahkamah Orang Islam ini bukannya baharu malah sudah diwujudkan sebelum tahun 1948. Melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948, Raja-Raja Melayu memperkenankan penubuhan Mahkamah berbidangkuasa Persekutuan seiring dengan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948. Bidangkuasa Negeri yang diserahkan kepada Persekutuan termaktub dalam Jadual Ke-2 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Persekutuan Tanah Melayu 1948, ditadbir oleh sebuah kerajaan interim untuk menyediakan Persekutuan Tanah Melayu, berkerajaan sendiri bebas daripada campur tangan British selaras dengan Piagam Atlantik 1945 dan laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946.

Apabila Raja-Raja Melayu dengan nasihat Dewan Perundangan Negeri masing-masing meluluskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, maka dengan sendirinya Jadual Ke-9 Perlembagaan itu menggantikan Jadual Ke-2 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Dalam Jadual Ke-9, terdapat Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama yang menetapkan kuasa perundangan masing-masing.

Meskipun bidangkuasa jenayah terletak di bawah Senarai Persekutuan, itu tidak bermakna Dewan Perundangan Negeri tidak lagi dibenarkan untuk menggubal Undang-Undang yang menyentuh Kesalahan Jenayah Syariah peribadi orang Islam.

Dewan Perundangan Negeri dikekalkan kuasa perundangan untuk menggubal Kesalahan Jenayah Syariah dalam ruang lingkup undang-undang peribadi sahaja. Kuasa itu termaktub dalam Butiran I Senarai II (Senarai Negeri). Justeru kesalahan-kesalahan itu tidak di-

kategorikan sebagai jenayah atau undang-undang jenayah. Sebaliknya kesalahan jenayah syariah itu, dinamakan kesalahan terhadap perintah agama yang terjumlah dalam Senarai Negeri sesuai dengan kedudukannya sebagai undang-undang peribadi orang Islam.

Oleh kerana ramai yang masih terkiliru apakah kesalahan yang terjumlah dalam Butiran I Senarai Negeri, maka rencana ini membincangkan kaedah untuk menentukan butiran yang menyentuh perintah agama Islam sama ada berada di bawah Senarai Persekutuan atau Senarai Negeri. Kaedah ini dinamakan "Ujian Implikasi" (implication test).

Ujian implikasi ini menentukan bidangkuasa atau senarai perundangan berlandaskan kategori undang-undang, iaitu sama ada undang-undang itu undang-undang awam atau undang-undang peribadi bagi orang Islam.

Tertakluk pada Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, jika sekiranya suatu kesalahan terhadap perintah agama Islam digubal berimplikasi bidangkuasa dan hukuman terhadap orang Islam dan bukan Islam, maka itu menjadi undang-undang awam lantaran terletak dalam Senarai Persekutuan. Sebaliknya tertakluk pada Senarai Persekutuan, jika implikasi bidangkuasa dan hukumannya hanya terhadap orang Islam serta belum ada peruntukan setara di bawah Undang-Undang Persekutuan, maka itu terjumlah dalam Senarai Negeri.

Satu prinsip undang-undang yang perlu dinyatakan di sini ialah apabila satu kesalahan di bawah undang-undang peribadi orang Islam telah dijadikan juga sebagai satu kesalahan meliputi orang bukan Islam, maka kesalahan itu dengan sendirinya menjadi satu kesalahan jenayah kerana sifatnya sudah berubah menjadi kesalahan awam.

Namun begitu perlu ditegaskan bahawa bidangkuasa Persekutuan hanya butiran yang termaktub dalam Senarai I dan Senarai III, Jadual Ke-9. Baki perundangan iaitu jika suatu perkara tiada dalam bidangkuasa Persekutuan, maka kuasa tersebut masih kekal di bawah Dewan Perundangan Negeri menurut Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan.

Malasnya untuk mewujudkan Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa membicarakan undang-undang peribadi



**Tun Abdul Hamid Mohamad**

orang Islam dan bukan Islam, tidak diperuntukkan dalam Senarai Persekutuan. Justeru, itu merupakan baki kuasa Dewan Perundangan Negeri.

Untuk menghuraikan kesalahan terhadap perintah agama Islam yang terjumlah dalam jenayah menurut istilah perlembagaan, bolehlah dirujuk kepada kesalahan seperti curi, rompak, bunuh, rogol dan penipuan.

Kesemuanya terjumlah dalam Senarai Persekutuan dan diisitihakan sebagai kesalahan jenayah kerana bidangkuasa dan implikasi hukumannya melibatkan orang Islam dan bukan Islam, itulah sifat undang-undang awam.

Meskipun jenayah curi, rompak dan rogol tidak dihukum dengan hukuman hudud, semua kesalahan itu masih kesalahan hudud di bawah Kanun Keseksian yang buat masa ini hanya dihukum dengan ta'azir.

## Sisi lain

Pada sisi lain, meskipun zina, minum arak, judi dan qazaf tergolong dalam kesalahan jenayah Islam tetapi oleh kerana bidangkuasa dan implikasi hukuman hanya menyentuh orang Islam, maka dari sisi istilah Perlembagaan,

kesemuanya terjumlah sebagai kesalahan terhadap perintah agama di bawah Butiran I Senarai II, iaitu di bawah Senarai Negeri.

Prinsip di atas menjelaskan asbab pelanggaran di bawah undang-undang peribadi orang Islam terhadap perintah agama Islam yang mempunyai bidangkuasa dan implikasi kepada hanya orang Islam disebut sebagai satu kesalahan atau dalam bahasa Inggerisnya, an offence. Inilah bidangkuasa Mahkamah Syariah seperti dinyatakan dalam Butiran I Senarai II, Jadual Ke-9.

Justeru, kesalahan zina bahkan minum arak dan qazaf tidak diletakkan dalam Senarai Persekutuan atau ditakrifkan sebagai jenayah kerana kesalahan-kesalahan

subject matter is well within the legislative competence of the State Legislatures and not that of Parliament". When the true test is applied, the inevitable conclusion is that these religious offences have nothing to do with 'criminal law'. I find it hard to think that the religious offence is a law with respect to 'criminal law' as envisaged by the Federal List. As Hashim Yeop Sani SCJ said in Mamat bin Daud (at p. 27).... , these are religious offences under the Syariah Court's jurisdiction and applicable only to persons professing the religion of Islam and ought to be passed not by the Federal Parliament but by the State Legislatures on the basis of the State List. Surely, in my opinion, a legislation pertaining to such prohibited acts or omissions amounts to a legislation upon Islamic religion, on which only states have legislative competence".

Pemerhatian Tun Abdul Hamid Mohamad dalam kes Sulaiman Takrib yang menggariskan kaedah untuk membezakan satu kesalahan jenayah dengan kesalahan terhadap perintah agama Islam juga dirujuk dalam kes Iki Putra bin Mubarok.

YA Hakim Besar Malaya dalam kes Iki Putra menyampaikan alasan Penghakiman seperti berikut:

"[32] .... In the main, there are three distinct categories of offences that shapes Syariah Criminal offences in Malaysia. These are;

(i) Offences relating to aqidah....

(ii) Offences relating to sanctity of religion and its institution....

(iii) Offences against morality. For example consuming intoxicating drinks, sexual intercourse out of wedlock (zina) and close (khawlat).

[33] As can be seen, these are offences in relation to Islamic religion practiced in this country that conform to the doctrine, tenets and practice of the religion of Islam. In short, I refer to these offences as religious offences. The list of offences enumerated at [32] is undoubtedly not exhaustive, and there may be other religious Offences that possibly be validly enacted by the State Legislatures that may emerge from the facts and circumstances of each case.

..... Any attempt to regulate the right of persons professing the religion of Islam to a particular belief, tenets, precepts and practices by way of creation of offences can only be done by legislation passed by State Legislatures pursuant to Clause 2 of Article 74 of the FC. As stated by Mohamed Azmi SCJ in Mamat bin Daud (at p. 125)"...to create an offence for making an imputation concerning such

doubt, the State Legislatures throughout Malaysia have the power to enact offences against the precepts of Islam. As decided by this Court in Sulaiman Takrib (supra) and other related judgments, the definition of "precepts of Islam" is wide and is not merely limited to the five pillars of Islam. Thus the range of offences that may be enacted are wide. Having said that, the power to enact such range of offences is subject to a constitutional limit".

Keputusan tersebut perlu dirai dan disanjung kerana memutuskan bahawa "precepts of Islam" (perintah agama) itu luas dan tidak terbatas kepada lima rukun Islam.

Jika diteliti alasan Penghakiman di atas, ujian implikasi yang dibincangkan di sini akan lebih membantu Mahkamah Persekutuan untuk menghuraikan kesalahan terhadap perintah agama Islam yang tidak terjumlah dalam Senarai Negeri.

Ringkasnya, kesalahan yang melibatkan pelakuan dan tinggalan dalam perintah agama bagi orang Islam semata-mata, hendaklah berada di bawah kuasa Perundangan Negeri dan dikekalkan dalam Senarai Negeri.

Sesungguhnya kedudukan perintah agama Islam atau dalam bahasa Inggerisnya, "precepts of Islam" juga tidak hanya apa yang terjumlah dalam Senarai II Jadual Ke-9. Butiran I Senarai

II menyatakan, "pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan;" Disebut dalam Butiran I pewujudan dan penghukuman terhadap pelanggaran perintah agama.

Butiran I Senarai II di atas perlu dibaca bersama-sama dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan; ia memberi maksud bahawa perintah agama Islam selain ditadbir oleh Negeri melalui Senarai II juga terkandung di bawah Senarai I di bawah pentadbiran Persekutuan.

Kedudukan perintah Islam yang berada di dalam Senarai Persekutuan dan Negeri juga adalah selaras dengan prinsip Islam sebagai agama bagi Persekutuan di bawah Perkara 3(1) dan jaminan Perkara 3(4) Perlembagaan Persekutuan terhadap bidangkuasa Negeri dalam agama Islam seperti mana termaktub dalam Senarai II.

Kedudukan perintah agama di dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri membuktikan amalan yang selari dengan Islam sebagai agama Persekutuan dan prinsip kedaulatan negara yang berlandaskan patuh syariah seperti terkandung dalam Sumpah Yang di-Pertuan Agong dan Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Perintah agama itu sebenarnya ialah Undang-Undang Islam yang terkandung dalam takrifannya hukum syarak yang dizahirkan melalui al-Quran dan al-Hadith serta undang-undang yang digubal oleh pemerintah selari dengan prinsip perundangan Islam.

Justeru, selaras dengan prinsip kedaulatan negara, Undang-undang Persekutuan dan Negeri perlu diharmonikan dengan prinsip perundangan Islam. Mahkamah Kehakiman Persekutuan dan Mahkamah Syariah pada hakikatnya ialah forum untuk melaksana dan menguatkuaskan undang-undang Islam mengikut bidangkuasa kuasa masing-masing.

Dengan memberi tafsiran menggunakan pendekatan di atas, isu pertembungan bidangkuasa antara Persekutuan dengan Negeri dapat diuruskan secara berperlembagaan.

**>>Prof Madya Dato' Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain**  
Pengasas Jurisprudens Watan/ Pakar Perlembagaan, Universiti Malaysia Pahang